

The best tourist attractions in Putrajaya



A member of
PULSE GROUP



Managed by MARINA PUTRAJAYA SDN. BHD.

SIARAN MEDIA

CRUISE TASIK PUTRAJAYA DIIKTIRAF MyTQA

Putrajaya, 2 Mac 2017 – Cruise Tasik Putrajaya yang merupakan salah satu produk pelancongan terbaik di Putrajaya yang diuruskan oleh Marina Putrajaya Sdn. Bhd. (MPSB) kini telah mendapat pengiktirafan MyTQA (*Malaysia Tourism Quality Assurance*) daripada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPKM).


MyTQA merupakan inisiatif KPKM untuk meningkatkan perkhidmatan dan kualiti kemudahan bagi produk-produk pelancongan di Malaysia. Ia merupakan satu pengiktirafan kepada produk pelancongan dan memberi pendedahan kepada penggiat-penggiat industri pelancongan supaya lebih mengutamakan mutu perkhidmatan yang disediakan. Di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), MyTQA dilihat sebagai salah satu program yang mengutamakan kehendak pelancong (*tourist first*).

Ketua Pegawai Eskekutif Marina Putrajaya Sdn. Bhd., Dato' Zaharah Salamat berkata "Kami amat bersyukur dan teruja dengan pengiktirafan MyTQA ini, kerana Cruise Tasik Putrajaya kini boleh berdiri sama gagah dengan 18 produk-produk pelancongan hebat yang lain yang telah menerima pengiktirafan MyTQA ini, antaranya Johor Premium Outlet (JPO), Sunway Pyramid Shopping Mall, Pavillion Kuala Lumpur, KL Tower, NAAM Cruise Langkawi, Panorama Langkawi (Cable Car Langkawi) dan Royal Selangor Visitor Centre. Dengan pengiktirafan ini, saya berharap Cruise Tasik Putrajaya akan menjadi jenama yang lebih kukuh dan seterusnya dapat meningkatkan daya saingnya di dalam industri pelancongan negara dan di peringkat antarabangsa. Malah kami juga amat teruja kerana Cruise Tasik Putrajaya merupakan produk yang pertama dan satu-satunya produk pelancongan di Putrajaya yang telah mendapat pengiktirafan MyTQA ini", kata beliau.

MPSB mensasarkan peningkatan hasil produk Cruise Tasik Putrajaya sebanyak 16% berbanding tahun sebelumnya iaitu dengan hasil sebanyak RM5.1 juta dan berharap dengan pengiktirafan yang terima ini dapat membantu mencapai sasaran jualan keseluruhan syarikat sebanyak RM14 juta tahun ini dengan memberikan mutu perkhidmatan yang baik kepada pengunjung. "Kepuasan pelanggan yang optimum terhadap perkhidmatan

yang telah diberikan adalah perkara utama yang kami sentiasa menitik beratkan dari dahulu dan akan sentiasa memperbaikinya dari semasa ke semasa. Bukan Cruise Tasik Putrajaya sahaja, malah saya turut berharap produk-produk yang lain di bawah pengurusan MPSB seperti Marina Putrajaya, Pusat Rekreasi Air Putrajaya, Skyride Festival Park Putrajaya dan Kompleks Sukan Air Putrajaya akan turut mendapat pengiktirafan MyTQA ini pada masa hadapan”, tambah beliau lagi.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi Mohd. Saiful Azam Badri di talian 019-222 9128 atau email kepada saifulazam@marinaputrajaya.com.


(DATO' ZAHARAH SALAMAT)
Ketua Pegawai Eksekutif
Marina Putrajaya Sdn. Bhd.

Tarikh : 2 Mac 2017